



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
AHAD 24 APRIL 2022**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	PRODUK TEMPATAN KE PASARAN JEPUN, SH -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	LARANGAN IMPORT LEMBU DARI THAILAND DIMANSUHKAN, HM -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
3.	PINDAAN AKTA FAMA PADA SESI PARLIMEN JULAI – RONALD KIANDEE, ASTRO AWANI -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
4.	AIDILFITRI: BEKALAN DAGING MENCUKUPI, UM -ONLINE	
5.	83 TAN DAGING CUKUP UNTUK PENDUDUK NEGERI SEMBILAN, HM -ONLINE	
6.	JUALAN MURAH SEMPENA AIDILFITRI DI 29 LOKASI BERMULA ESOK, SELANGOR KINI.MY -ONLINE	
7.	TOLONG KAMI! BANTU PETANI TIMUN! KEMASUKAN DENGAN BANYAKNYA TIMUN THAILAND JEJASKAN PENDAPATAN!, KITA REPORTER.COM -ONLINE	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/4/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	

### Produk tempatan ke pasaran Jepun



Ronald (dua dari kiri) bersama tetamu yang hadir menunjukkan salah satu produk keluaran tempatan di bawah jenama MyKitchen yang dipamerkan.

SELAYANG - Langkah untuk memasarkan 70 unit simpanan stok (SKU) produk agromakanan terpilih melibatkan 25 syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) keluaran tempatan ke pasaran Jepun dengan menggunakan jenama tunggal,

MyKitchen dibuat bagi memantapkan sistem pemasaran yang lebih efisien dan terarah.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, melalui kaedah itu pemasaran produk seperti perencah masakan, produk berasaskan nanas, madu kelulut, keropok, biskut dan lain-lain mudah untuk dipromosikan.

Beliau berkata, usaha penerokaan pasaran antarabangsa itu dilaksanakan Syarikat Pengurusan Pengeksportan Malaysia (MyEMC) melalui kolaborasi strategik awam-swasta untuk memperkukuhkan jenama produk tempatan bagi memastikan lebih banyak produk agromakanan menembusi pasaran Jepun.



Ronald (dua dari kiri) menyempurnakan gimik pelepasan pada Majlis Flag Off Pengeksportan Produk Agromakanan ke Jepun yang berlangsung di Ibu Pejabat FAMA, Selayang pada Jumaat. Turut sama Mohamad Mustahapa (kiri).

“Inisiatif ini turut melibatkan pemain industri yang terdiri daripada usahawan pengeluar, pengeksport, pengimport luar negara dan pemasaran luar negara bertujuan untuk

mengatasi masalah penembusan pasaran.

“Jadi, kerajaan melalui MAFI akan terus menggunakan apa sahaja pendekatan untuk dilaksanakan oleh syarikat supaya kita dapat membantu mempromosikan produk agromakanan keluaran tempatan ke pasaran antarabangsa,” katanya ketika ditemui selepas selesai menyempurnakan Flag Off Pengeksportan Produk Agromakanan ke Jepun di Ibu Pejabat Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di sini pada Jumaat.

Turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) FAMA, Datuk Mohamad Mustahapa Awang.

Sebelum itu, Ronald menyaksikan sesi menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bersama syarikat pengurusan eksport (EMC), SD Impex Japan Co Ltd untuk sama-sama promosi dan pemasaran produk agromakanan di Jepun.

Jelas Ronald, MoU ini juga merupakan sebahagian usaha MAFI dalam memperkukuhkan jenama MyKitchen dan MyKitchen Fresh di negara Matahari Terbit itu.

Melalui Pejabat Penasihat Pertanian (PPP) di Tokyo yang dipantau rapi oleh Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Pelaburan (BDI) dengan kerjasama strategik syarikat SD Impex Japan Co Ltd sebagai EMC telah berjaya meningkatkan jumlah tempahan eksport sebanyak 992 karton.

“Ia melibatkan 36 SKU terdiri daripada lebih 50,000 unit produk sedia dimakan, sedia diminum dan sedia dimasak keluaran 13 buah syarikat pengeluar dan usahawan seluruh negara di bawah satu jenama.

“Menyedari prospek pasaran makanan yang meluas di Jepun, SD Impex Japan Co Ltd telah mengadakan siri pemeteraian MoU bersama Tech Innovation Co Ltd salah satu pemborong berdaftar di Don Quijote.

“Semasa berlangsungnya World Food and Beverage Tokyo 2022 (FABEX) pada 13 - 15 April 2022 lalu, satu lagi MoU telah dimeterai bersama SS Halal Co, Ltd syarikat pemasaran produk makanan di bawah pemantauan FAMA, dalam memperkukuhkan jenama MyKitchen dan MyKitchen Fresh di Jepun,” katanya.

Sementara itu, ditanya mengenai perancangan MAFI untuk melebarkan sayap ke negara-negara lain, Ronald berkata, selain Jepun pihaknya turut memfokuskan pengukuhan EMC di Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Selatan Thailand.

Justeru katanya, MAFI mempelawa mana-mana syarikat pengeluar dan usahawan tempatan yang ingin menjalin kerjasama dengan MAFI di bawah MyKitchen menembusi pasaran global di negara-negara lain.



Antara produk di bawah jenama MyKitchen yang dipasarkan ke Jepun.

Bilangan SKU terlibat di bawah inisiatif MyKitchen

SD Impex Sdn Bhd

Jenama: Asian Taste

Kategori: Perencah masakan

Fariza Marketing Sdn Bhd

Jenama: Faiza

Kategori: Perencah masakan

SPL Food Industries

Jenama: Hj Man Laksa

Kategori: Perencah masakan

Adabi

Jenama: Adabi

Kategori: Perencah masakan, snek

Sophia TAHA Holdings

Jenama: Sophia Taha

Kategori: Lada hitam, kopi

JTP Trading

Jenama: Melita

Kategori: Produk berasaskan nanas

NQ Groupings Empire

Jenama: NUHA

Kategori: Bawang putih goreng

Nafas

Jenama: Peladang

Kategori: Chocholate Malt, Tebal Ok,

Amplang

Bayu Gagah Manufacturing

Jenama: Bayu Kelulut

Kategori: Madu kelulut

Dafinah Delights

Jenama: Dafinah Delights

Kategori: Snek, keropok

HE Bumi Enterprise/

Marhas Trading

Jenama: PakCHIPS

Kategori: Snek, keropok

Hamie Industries

Jenama: TokYam

Kategori: Snek, keropok

**Kasputeri Sdn Bhd**

**Jenama: GANU crackers**

**Kategori: Snek, keropok**

**SZ Legacy**

**Jenama: Sweet banana**

**Kategori: Snek, keropok**

**Tastiway Sdn Bhd**

**Jenama: Tastiways**

**Kategori: Snek**

**Made About Cake Sdn Bhd**

**Jenama: CMW**

**Kategori: Biskut**

**SR Snacks Sdn Bhd**

**Jenama: Sahana**

**Kategori: Maruku**

**Tishas Food Manufacturing**

**Jenama: Tisha'**

**Kategori: Roti prata**

**Yugatrade Sdn Bhd**

**Jenama: INA**

**Kategori: Mi segera**

**Rush Baby Food**

**Jenama: Rush baby Food**

**Kategori: Mi organik**

**MamaG Marketing**

**Jenama: MamaG**

**Kategori: Sos keju**

**Frozen Jackfruit**

**Jenama: Makatas**

**Kategori: Sejuk beku**

**Frozen Durian**

**Jenama: Makatas**

**Kategori: Sejuk beku**



**Ronald (tengah) menyaksikan sesi tandatangan MoU MAFI bersama syarikat pengurusan eksport (EMC), SD Implex Japan Co Ltd.**

24 APR, 2022

# Produk tempatan ke pasaran Jepun

Sinar Harian, Malaysia

MAFI guna kaedah jenama tunggal untuk mantapkan pasaran produk PKS

Oleh NURUL HUDA HUSAIN

SELYANG

Langkah untuk memasarkan 70 unit simpanan stok (SKU) produk agromakanan terpilih melibatkan 25 syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) keluaran tempatan ke pasaran Jepun dengan menggunakan jenama tunggal, MyKitchen dibuat bagi memantapkan sistem pemasaran yang lebih efisien dan terarah.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, melalui kaedah itu pemasaran produk seperti perencah masakan, produk berasaskan nanas, madu kelulut, keropok, biskut dan lain-lain mudah untuk dipromosikan.

Beliau berkata, usaha penerokaan pasaran antarabangsa itu dilaksanakan Syarikat Pengurusan Pengesportan Malaysia (MyEMC) melalui kolaborasi strategik awam-swasta untuk memperkukuhkan jenama produk tempatan bagi memastikan lebih banyak produk agromakanan menembusi pasaran Jepun. "Inisiatif ini turut melibatkan pemain industri yang terdiri daripada usahawan pengeluar, pengeksport, pengimport luar negara dan pemasaran luar negara bertujuan untuk mengatasi masalah penembusan pasaran.

"Jadi, kerajaan melalui MAFI akan terus menggunakan apa sahaja pendekatan untuk dilaksanakan oleh syarikat supaya kita dapat membantu mempromosikan produk agromakanan keluaran tempatan ke pasaran antarabangsa," katanya ketika ditemui selepas selesai menyempurnakan *Flag Off* Pengesportan Produk Agromakanan ke Jepun di Ibu Pejabat Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di sini pada Jumaat.

Turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) FAMA, Datuk Mohamad Mustahapa Awang.

Sebelum itu, Ronald menyaksikan sesi menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bersama syarikat

# Produk tempatan ke pasaran Jepun



FOTO: MOHO HALIM ABDUL WAHID

Ronald (tuan dari kiri) bersama tetamu yang hadir menunjukkan salah satu produk keluaran tempatan di bawah jenama MyKitchen yang dipamerkan.

pengurusan eksport (EMC), SD Implex Japan Co Ltd untuk sama-sama promosi dan memasarkan produk agromakanan di Jepun.

Jelas Ronald, MoU ini juga merupakan sebahagian usaha MAFI dalam memperkukuhkan jenama MyKitchen dan MyKitchen Fresh di negara Matahari Terbit itu.

### Tempahan eksport

Melalui Pejabat Penasihat Pertanian (PPP) di Tokyo yang dipantau rapi oleh Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Pelaburan (BDI) dengan kerjasama strategik syarikat SD Implex Japan Co Ltd sebagai EMC telah berjaya meningkatkan jumlah tempahan eksport sebanyak 992 karton.

"Ia melibatkan 36 SKU terdiri daripada lebih 50,000 unit produk sedia dimakan, sedia diminum dan sedia dimasak keluaran 13 buah syarikat pengeluar dan usahawan seluruh negara di bawah satu jenama.

"Menyedari prospek pasaran makanan yang meluas di Jepun, SD Implex Japan Co Ltd telah mengadakan siri pemeteraian MoU bersama Tech Innovation Co Ltd salah satu pemborong berdaftar di Don Quijote.

"Semasa berlangsungnya World Food and Beverage Tokyo 2022 (FABEX) pada



13 - 15 April 2022 lalu, satu lagi MoU telah dimeterai bersama SS Halal Co, Ltd syarikat pemasaran produk makanan di bawah pemantauan FAMA, dalam memperkukuhkan jenama MyKitchen dan MyKitchen Fresh di Jepun," katanya.

Sementara itu, ditanya mengenai perancangan MAFI untuk melebarkan sayap ke negara-negara lain, Ronald berkata, selain Jepun pihaknya turut memfokuskan pengukuhan EMC di Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Selatan Thailand.

Justeru katanya, MAFI mempelawa mana-mana syarikat pengeluar dan usahawan tempatan yang ingin menjalin kerjasama dengan MAFI di bawah MyKitchen menembusi pasaran global di negara-negara lain.

### BILANGAN SKU TERLIBAT DI BAWAH INISIATIF MYKITCHEN

- SD Implex Sdn Bhd**  
Jenama: Asian Taste  
Kategori: Perencah masakan
- Fariza Marketing Sdn Bhd**  
Jenama: Faiza  
Kategori: Perencah masakan
- SPL Food Industries**  
Jenama: Hj Man Laksia  
Kategori: Perencah masakan
- Adabi**  
Jenama: Adabi  
Kategori: Perencah masakan, snek
- Sophia TAHA Holdings**  
Jenama: Sophie Taha  
Kategori: Lada hitam, kopi
- JTP Trading**  
Jenama: Melita  
Kategori: Produk berasaskan nanas
- NQ Groupings Empire**  
Jenama: NUHA  
Kategori: Bawang putih goreng
- Nafas**  
Jenama: Peladang  
Kategori: Chocolate Malt, Tebel Ok, Amplang
- Bayu Gagah Manufacturing**  
Jenama: Bayu Kelulut  
Kategori: Madu kelulut
- Dafinah Delights**  
Jenama: Dafinah Delights  
Kategori: Snek, keropok
- HE Bumi Enterprise/ Marhas Trading**  
Jenama: PakCHIPS  
Kategori: Snek, keropok
- Harlie industries**  
Jenama: TokYam  
Kategori: Snek, keropok
- Kasputeri Sdn Bhd**  
Jenama: GANU crackers  
Kategori: Snek, keropok
- SZ Legacy**  
Jenama: Sweets banana  
Kategori: Snek, keropok
- Tasthway Sdn Bhd**  
Jenama: Tasthweys  
Kategori: Snek
- Made About Cake Sdn Bhd**  
Jenama: CMW  
Kategori: Biskut
- SR Snacks Sdn Bhd**  
Jenama: Sahana  
Kategori: Maruku
- Tishas Food Manufacturing**  
Jenama: Tisha'  
Kategori: Roti prata
- Yugatrade Sdn Bhd**  
Jenama: INA  
Kategori: Mi segera
- Rush Baby Food**  
Jenama: Rush baby Food  
Kategori: Mi organik
- MamaG Marketing**  
Jenama: MamaG  
Kategori: Sos keju
- Frozen Jackfruit**  
Jenama: Makabas  
Kategori: Sejuk beku
- Frozen Durian**  
Jenama: Makalas  
Kategori: Sejuk beku



Ronald (dua dari kiri) menyempurnakan gimik peloposan pada Majlis *Flag Off* Pengesportan Produk Agromakanan ke Jepun yang berangsuang di Ibu Pejabat FAMA, Selangor pada Jumaat. Turut sama Mohamad Mustahapa (kiri).



Ronald (tengah) menyaksikan sealatatangan MoU MAFI bersama syarikat pengurusan eksport (EMC), SD Implex Japan Co Ltd.



24 APR, 2022

## Produk tempatan ke pasaran Jepun

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

MAFI guna kaedah jenama tunggal untuk mantapkan pasaran produk PKS

Langkah untuk memasarkan 70 unit simpanan stok (SKU) produk agromakanan terpilih melibatkan 25 syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) keluaran tempatan ke pasaran Jepun dengan menggunakan jenama tunggal, MyKitchen dibuat bagi memantapkan sistem pemasaran yang lebih efisien dan terarah.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/4/2022	HARIAN METRO	ONLINE	

## Larangan import lembu dari Thailand dimansuhkan [METROTV]



Jasin: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) mengesahkan larangan pengimportan lembu dan kerbau dari Thailand yang dikuatkuasakan sejak pertengahan tahun lalu sudah dimansuhkan.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, penarikan semula larangan itu berkuatkuasa 15 Mac lalu, dengan beberapa syarat

ketat dikenakan terhadap pihak berkuasa Thailand sebelum dibenarkan membawa masuk haiwan ternakan itu ke Malaysia.

Menurutnya, antara syarat terbabit, lembu dan kerbau perlu menjalani tempoh kuarantin selama 35 hari di fasiliti kuarantin bagi lembu ternakan dan tenusu, manakala 28 hari kuarantin bagi lembu sembelihan.

Katanya, selain itu, mereka perlu memastikan tiada jangkitan penyakit kuku dan mulut (FMD) serta Tuberculosis.

"Pegawai Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) akan mengesahkan haiwan ternakan itu bebas daripada sebarang penyakit sebelum dibenarkan masuk ke negara ini.

"Jika haiwan itu disahkan dijangkiti wabak LSD atau FMD serta Tuberculosis, tidak akan dibenarkan dibawa masuk kerana kita perlu memastikan kesihatan pengguna serta ternakan lain terdedah kepada penyakit," katanya.



Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Festival Kuih Tradisional, peringkat Negeri Melaka, di perkarangan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Sungai Rambai, di sini hari ini.

Untuk rekod, pada pertengahan Jun tahun lalu, kerajaan terpaksa menghentikan serta-merta import lembu dari Thailand berikutan ruminan itu dijangkiti LSD.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/4/2022	ASTRO AWANI	ONLINE	

## Pindaan Akta FAMA pada sesi Parlimen Julai - Ronald Kiandee



*Melalui pindaan akta itu, FAMA akan memainkan peranan dalam pengedaran komoditi ternakan serta menstabilkan rantaian bekalan. - Gambar fail*

**KUCHING:** Pindaan kepada Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) 1965 akan dibawa ke sesi Parlimen pada Julai depan bagi membolehkan FAMA mengurus pemasaran komoditi ternakan tertentu.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Datuk Seri Ronald Kiandee berkata melalui

pindaan akta itu, FAMA akan memainkan peranan dalam pengedaran komoditi ternakan serta menstabilkan rantaian bekalan.

"Pada masa ini tiada agensi khusus yang berfungsi dalam menjalankan aktiviti pemasaran ternakan," katanya pada sidang media selepas merasmikan program Semarak Syawal peringkat kebangsaan di Medan Niaga Satok di sini, hari ini.

Beliau berkata dengan pindaan itu FAMA juga akan berperanan dalam memastikan bekalan makanan serta rantaian bekalan di pasaran tidak terganggu.

FAMA merupakan agensi dibawah MAFI yang diberi kuasa di bawah Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 (Akta 141) bagi menyelia, menyelaras, mengawal selia dan memajukan pemasaran keluaran pertanian Malaysia kecuali bagi produk nanas, getah, kelapa sawit, padi, beras, tembakau dan koko.

Sementara itu Ketua Pengarah FAMA berkata program Semarak Syawal diadakan serentak di seluruh pasar-pasar tani di Malaysia mulai hari ini sehingga 2 Mei.

"Tahun ini usahawan di bawah FAMA seperti Agrobazaar, kedai rakyat dan sebagainya juga turut serta dalam program ini bagi memberikan peluang kepada pengguna mendapatkan bekalan sepanjang Aidilfitri," katanya.

MAFI dalam kenyataannya memaklumkan sejumlah 15,391 usahawan dengan 797 outlet yang disediakan akan mendapat manfaat melalui program Semarak Syawal itu dengan sasaran nilai jualan berjumlah RM25 juta.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/4/2022	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

## Aidilfitri: Bekalan daging mencukupi



BAKRI Sawir (kanan) dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paroi, Mohamad Taufek Abdul Ghani (dua dari kanan) meninjau penjualan daging lembu sempena Program Mempromosikan Mantai Perdana Online Negeri Sembilan di Pasar Tani Kekal Paroi, Seremban hari ini. -

UTUSAN/ZAKKINA WATI AHMAD TARMIZI

SEREMBAN: Bekalan daging lembu di Negeri Sembilan mencukupi bagi menampung permintaan orang ramai

sempena Aidilfitri yang akan disambut tidak lama lagi.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Datuk Bakri Sawir berkata, pihak Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) turut menyediakan sebanyak 83 tan bekalan daging menerusi penganjuran program Mantai Perdana.

“Kami memberi jaminan bekalan daging bagi sambutan Aidilfitri kali ini mencukupi.

“Menerusi program Mantai Perdana, 83 tan daging akan disediakan dan ia melibatkan penyertaan seramai sembilan pengusaha di seluruh negeri ini,” katanya kepada selepas mempromosikan Program Mantai Perdana Online Negeri Sembilan 2022 di Pasar Tani Kekal Paroi, di sini hari ini.

Sementara itu beliau memberitahu, sempena program Mantai Perdana tahun ini, buat pertama kalinya orang ramai boleh membuat pembelian secara dalam talian menerusi laman web [www.agrobazaar.com.my](http://www.agrobazaar.com.my).

“Ia bagi memudahkan pelanggan yang tidak perlu bersesak mendapatkan daging. Ia juga sekali gus membantu pihak penternak mengetahui kuantiti pembelian daging yang diperlukan serta bagi mengelakkan pembaziran ketika hari Mantai.

“Pelanggan yang berminat membeli daging secara dalam talian hanya perlu melayari laman web tersebut dan membuat pembayaran seterusnya mengambil daging di 13 buah lokasi yang ditetapkan pada 30 April ini,” katanya.

Tambah Bakri, pihaknya menyasarkan sebanyak tiga tan bekalan daging terjual secara dalam talian menerusi program berkenaan.

“Walaupun jualan secara dalam talian akan berakhir esok, sehingga hari ini, hanya satu tan sahaja bekalan daging terjual. Subsidi sebanyak RM3 bagi setiap pembelian sekilogram daging dengan maksimum pembelian sebanyak tiga kilogram akan diberikan kepada pelanggan yang membuat tempahan secara dalam talian,” katanya. – [UTUSAN](#)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/4/2022	HARIAN METRO	ONLINE	

## 83 tan daging cukup untuk penduduk Negeri Sembilan [METROTV]



Seremban: Sebanyak 83 tan daging lembu dan kerbau disediakan tahun ini bagi menampung keperluan penduduk Negeri Sembilan menyambut Aidilfitri.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian dan Industri Makanan negeri, Datuk Bakri Sawir berkata, kerajaan negeri yakin jumlah bekalan itu mencukupi

dan turut dijamin penternak yang bekerjasama sebagai pembekal.

"Seramai sembilan penternak komersial bersetuju bekerjasama menjayakan usaha ini dan buat permulaan kita menawarkan pembelian menerusi Mantai Perdana Online (MPO) yang memperuntukkan tiga tan daging.

"Menerusi program ini, orang ramai berpeluang membeli daging pada harga rendah iaitu pengurangan sebanyak RM3 bagi satu kilogram (kg) dengan setiap individu hanya dibenarkan membeli maksimum 3kg," katanya.



BAKRI Sawir (tengah), Mohamad Taufek (kanan) dan Asmizal pada sidang media di tapak Pasar Tani Paroi Jaya. FOTO Mohd Amin Jalil

Beliau ditemui selepas mengadakan promosi MPO dan meninjau jualan daging dan produk asas tani di Pasar Tani Taman Paroi Jaya, di sini, hari ini yang turut dihadiri Ahli Dewan Undangan Negeri Paroi Datuk Mohamad Taufek Abd Ghani dan Pengarah Lembaga

Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama negeri, Asmizal Jaafar.

Bakri berkata, setakat ini lebih satu tan daging sudah terjual menerusi program MPO dan tawaran masih terbuka.

Katanya, kerajaan negeri memperuntukkan RM250,000 untuk subsidi daging itu dan menjangkakan 27,777 keluarga bakal menerima manfaat.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan Jualan Semarak Aidilfitri dengan kerjasama Fama negeri akan dilancarkan bermula 27 April ini, yang memberi kemudahan kepada penduduk di setiap daerah membeli barang keperluan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/4/2022	SELANGOR KINI.MY	ONLINE	

## Jualan murah sempena Aidilfitri di 29 lokasi bermula esok



SHAH ALAM, 24 APRIL: Jualan murah barangan asas secara besar-besaran akan bermula esok sehingga 2 Mei di 29 lokasi seluruh Selangor, kata EXCO pemodenan dan asas tani.

Ir Izham Hashim berkata Jualan Prihatin Rakyat sempena Aidilfitri menawarkan 23,200 ayam segar, 23,200 kilogram(kg) daging pejal, tulang lembu (16,700kg), telur ayam gred B (18,200 papan), minyak masak paket (25,200 kg) serta 1,500kg ikan selayang dan kembung

(QFish).

Menurutnya inisiatif itu membabitkan kerjasama Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI, Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Selangor dan Koperasi Warga Hijrah Selangor Berhad (Kohijrah).



EXCO Infrastruktur dan Pertanian YB Ir Izham Hashim bercakap kepada media ketika sesi sidang media khas Karnival Jualan Mega Prihatin di Pasar Tani Seksyen 13, Shah Alam. Foto FIKRI YUSOF/SELANGORKINI

“Program ini adalah lanjutan daripada Jualan Prihatin Rakyat yang dianjurkan sejak Februari lalu bertujuan meringankan beban penduduk memandangkan Aidilfitri akan menjelang tidak lama lagi.

“Kita menjangkakan seramai 50,000 rakyat Selangor akan menikmati manfaat ini dengan setiap seorang diberi subsidi antara RM10 hingga RM11,” katanya hari ini.

Bercakap pada sidang media di Pasar Tani Seksyen 13 di sini hari ini, beliau turut memaklumkan sebanyak RM1.1 juta dibelanjakan untuk menjayakan program selama seminggu itu.

“Peruntukan Kerajaan Negeri di bawah portfolio saya adalah sebanyak RM800,000 manakala RM300,000 lagi daripada MBI,” katanya.

Program Jualan Prihatin Rakyat dilancar pada 28 Februari lalu diadakan setiap hujung minggu di 64 kawasan di seluruh negeri bagi meringankan beban rakyat susulan kenaikan harga barang.

Menerusi program itu, ayam standard dijual pada harga RM12 seekor, daging pejal segar (RM35 perkilogram), telur gred B (RM10 sepapan) dan ikan kembung atau selayang (RM8 per pek).

Berikut senarai lokasi dan tarikh program Jualan Prihatin Rakyat Mega:

**Jualan Prihatin Rakyat PKPS (10 pagi hingga 1 tengah hari)**

- Dataran Pantai Batu Laut, Tanjung Sepat (28 April)
- Tapak bersebelahan Petronas, Bandar Utama, Batang Kali (29 April)
- Dewan Jalan H, Kampung Pandan (30 April)
- Jalan Pandan 8, Pandan Jaya (30 April)
- Padang Awam Batu Caves, Gombak (30 April)
- Stadium Shah Alam (30 April)
- Stadium Sabak Bernam (30 April)

**Selangor Agro Market (SAM) Pra Syawal dan Pasar Tani (7 pagi hingga 12 tengah hari)**

- Pekarangan Tempat Letak Kereta Mahkamah Ampang (29 April)
- Pasar Tani Taman Sri Andalas, Klang (30 April dan 2 Mei)
- Pasar Tani Bandar Baru Salak Tinggi (30 April)
- Pasar Tani Seksyen 6, Kelana Jaya (30 April)
- Pasar Tani Kota Kemuning (30 April)
- Pasar Tani Saujana Utama, Sungai Buloh (30 April)
- Pasar Tani Seksyen 17, Shah Alam (30 April dan 2 Mei)
- Pasar Tani Taman Melawati (30 April)
- Pasar Tani Sungai Kapar Indah, Klang (30 April)
- Pasar Tani Tapak MAHA, MAEPS (30 April)
- Pasar Tani Jenaris (30 April)
- Pasar Tani Kekal Puchong (30 April hingga 1 Mei)
- SAM @ Masjid Jamek As-Solihin, Kanchong Darat (30 April)
- SAM @ Pusat Operasi FAMA Dengkil (30 April hingga 1 Mei)
- SAM @ Taman Cempaka, Pandan Indah (1 Mei)
- Pasar Tani Dataran Puchong Permai (1 Mei)
- Pasar Tani Kampung Melayu Subang (1 Mei)
- Pasar Tani Kota Damansara (1 Mei)
- Pasar Tani Putra Heights, Subang Jaya (1 Mei)
- Pasar Tani LNK 1 Bandar Baru Bangi (1 Mei)
- Pasar Tani Stadium Shah Alam (1 Mei)

**Tapak Pasar Ko-Hijrah (1 lokasi) (4 petang hingga 8 malam)**

- Tapak Pasar Malam, Berjaya Park, Seksyen 32 Shah Alam (25, 27, 29 April)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/4/2022	KITA REPORTER.COM	ONLINE	

**Tolong kami! Bantu petani timun! Kemasukan dengan banyaknya timun Thailand jejakan pendapatan!**

[@che saad noordin](#)

Che Saad Noordin bekas stringer Bintang Timur, Utusan Malaysia/Utusan Melayu, Watan Harian, TV3, RTM dan Bernama untuk daerah Baling dan sekitarnya



**PENGUSAHA** tanaman sayuran jenis timun di Baling, Kedah kesal dengan kemasukan terlalu banyak timun dari Thailand yang menyebabkan hasil tanaman mereka tidak dipandang oleh pemborong tempatan.

Jika mahu dibeli pun dengan harga borong 30 sen sekilo sedangkan harga jualan timun di pasaran ialah sekitar RM3 sekilo.

Macam ada penindasan terhadap nasib petani rakyat tempatan yang tidak dilihat oleh semua agensi

kementerian berkaitan pertanian.



*Azhar memerhatikan buah timun yang baru dipetik diladangnya yang ditawarkan untuk dibeli dengan harga 30 sen sekilo, sedangkan harga dipasaran lebih dari harga RM3 sekilo.*

Peladang yang mengusahakan tanaman timun seluas 5 relong (1.4 hektar) tanah di Kampung Siput, mukim Siong di Baling, Azhar Abdul Rahman, 53, kesal akibat lambakan timun dari luar sehingga hasil tanaman mereka tak dapat dijual.

Tegasnya, apabila tak dapat dijual, berlaku longgokan timun yang banyak dan pemborong menawarkan harga 30 sen sekilo untuk membelinya.

Jelasnya lagi, beliau amat sedih kerana **usaha penduduk tempatan dalam tanaman sayuran seperti timun tak dihargai** pihak atasan agensi-agensi berkaitan pertanian dengan lebih mengutamakan produk negara jiran.

Katanya, baru-baru ini, beliau viralkan longgokan buah timun hasil ladangnya yang tak boleh dijual, barulah ada wakil jabatan terbabit datang melihat masalahnya.



Menurut Azhar yang telah mengusahakan tanaman timun sejak 5 tahun lalu, daripada apa yang diberitahu, **punca timun yang diusahakan oleh petani tempatan tidak laku akibat limpahan buah timun dari negara jiran Thailand.**

Katanya, **pemborong lebih suka berurusan dengan pihak yang membawa masuk timun dari luar daripada menyokong usaha petani tempatan.**

Tegas Azhar lagi, **masalah yang dihadapi ini sudah banyak kali berlaku, namun janji pihak berkuasa tempatan hanya tinggal janji.**

Azhar kesal kerana **usaha yang dilakukannya juga tidak mendapat perhatian dan sokongan pemimpin tempatan jauh sekali untuk membantu.**

Pihak Jabatan Pertanian daerah ada membantu dengan memberi bantuan baja dan pam air sewaktu peringkat awal dahulu.



Azhar menunjukkan buah Timun diladangnya yang sudah boleh dipetik.

Azhar, yang menetap di Kampong Baru Siong, S berkata adalah tidak logik pemborong menawarkan harga 30 sen sekilo sedangkan harga baja yang digunakan untuk menyuburkan pokok pokok timun di ladangnya berharga lebih RM200 seguni.

Beliau yang mempunyai pembantu seramai tiga pekerja berkata, pokok timun mampu mengeluarkan hasil selepas ditanam 25 hari sahaja dan mampu bertahan lebih 2 bulan.

**Akibat tiada ada pemborong yang datang membeli hasil tanamannya, Azhar dan pembantunya terpaksa juga memetik buah timun yang sudah boleh dipetik dan dilonggokkan di ladangnya untuk disedekahkan pada orang ramai.**

Pihak Jabatan Pertanian daerah Baling dan FAMA daerah gagal dihubungi untuk mendapatkan penjelasan lanjut. - KitaReporters



